



Ahli Kumpulan UEM

PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD (“PLUS Berhad”)

No. Pendaftaran : 201101026564 (954700-A)

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

CADANGAN LANTIKAN PERUNDING REKABENTUK DAN PENYELIAAN TAPAK UNTUK PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS) DI LALUAN ANTARA YONG PENG UTARA – SENAI UTARA (FASA 4: MACHAP – AYER HITAM) [TENDER REF. NO.: PLUS90001170]

| TAJUK TENDER | KELAYAKAN | GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN | SKOP KERJA | TAKLIMAT TENDER | PENJUALAN DOKUMEN TENDER | BAYARAN DOKUMEN | SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER |
|---|---|--|--|---|--|---|--|
| CADANGAN LANTIKAN PERUNDING REKABENTUK DAN PENYELIAAN TAPAK UNTUK PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS) DI LALUAN ANTARA YONG PENG UTARA – SENAI UTARA (FASA 4: MACHAP – AYER HITAM) | Memiliki perakuan yang masih sah seperti berikut: 1) Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). 2) Mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding dari Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tender diiklankan. 3) Mempunyai Sijil Pendaftaran Jurutera Profesional dengan Sijil Amalan dari Lembaga Jurutera Malaysia yang masih sah semasa tarikh tutup tender. 4) Syarikat mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) Surat Setuju Terima sebagai Perunding Rekabentuk dan Penyeliaan Tapak dalam projek lebuhraya dan/atau jalan (minima kategori U5/R5) bersama PLUS atau konsesi lebuhraya lain di Malaysia, atau projek Kerajaan dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu. Petender diwajibkan membawa dan menunjukkan bukti pengalaman dan lantikan kepada Urusetia Tender salinan yang diakui sah bagi perkara-perkara berikut: a. Surat Setuju Terima Lantikan Projek; dan b. Sijil Siap Kerja (sekranya ada). | Perunding hendaklah berdaftar di bawah kategori dan pengkhususan seperti berikut dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding dari Kementerian Kewangan Malaysia dan berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan rekabentuk dan penyeliaan tapak bagi pembinaan infrastruktur jalan raya atau lebuhraya: Kategori Perkhidmatan Perunding Fizikal Pengkhususan 1) 330101 – Perkhidmatan Perunding Fizikal/Kejuruteraan/Kejuruteraan Awam; 2) 330102 – Perkhidmatan Perunding Fizikal/Kejuruteraan/Kejuruteraan Struktur; 3) 330103 – Perkhidmatan Perunding Fizikal/Kejuruteraan/Kejuruteraan Elektrik; dan 4) 330104 – Perkhidmatan Perunding Fizikal/Kejuruteraan/Kejuruteraan Mekanikal. | Servis perunding rekabentuk dan penyeliaan tapak bagi kerja-kerja kejuruteraan sivil, struktur, mekanikal, elektrik dan geoteknik bagi lebuhraya/jalan raya (minima kategori U5/R5), jambatan dan naik taraf lebuhraya termasuk dan tidak terhad kepada: 1) Pavemen 2) Kerja-kerja tanah 3) Kerja penyiasatan tanah & rawatan tanah 4) Saliran dan perparitan 5) Jambatan & struktur 6) Sistem perlindungan cerun, penstabilan dan struktur penahan 7) Pemindahan utiliti, elektrik dan perkhidmatan 8) Mekanikal & elektrik termasuk pemcahayaan jalan, dan sistem pemantauan trafik (“TCSS”) 9) Kajian impak alam sekitar dan kerja-kerja kawalan | Tarikh: 20 April 2026 (Isnin) Masa Pendaftaran: 9:00 pagi - 10:00 pagi Masa Taklimat: 10.15 pagi Tempat: Sg. Buloh Training Room, Annex 1, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Koordinat: 3.1040190121, 101.5889570364 • KEHADIRAN SECARA FIZIKAL PADA SESI TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN | Tempoh Jualan: 20 April 2026 (Isnin) hingga 30 April 2026 (Khamis) 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum) Tempat: Projek Khas, Tingkat 3, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Penjualan tender juga dilakukan secara atas talian melalui e-mel JLWProcurement@plus.com.my | Harga satu (1) set Dokumen Tender RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja) (Bayaran tidak akan dikembalikan) Dokumen Tender akan dihantar melalui e-mel JLWProcurement@plus.com.my selepas pengesahan pembayaran dilakukan. Pembayaran secara dalam talian sahaja kepada:- PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD Bank: CIMB Bank Berhad No. Akaun: 8000 4667 16 Rujukan Pembayaran: JLWP4 Tender – D&S Butiran Pembayaran: Nama Syarikat | SERAHAN DOKUMEN TENDER SALINAN CETAK SECARA FIZIKAL Tempat: PETI TENDER (TENDER BOX), Aras Bawah, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tarikh Tutup Tender 11 Mei 2026 (Isnin) sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari. Petender hendaklah mengemukakan Deposit Tender bernilai RM10,000.00 dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia di atas nama “PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD” sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender bersama Dokumen Tender. |

Nota:

- Setiap syarikat hanya boleh mengambil bahagian sebagai syarikat tunggal sahaja. Walaubagaimanapun, petender boleh melantik sub-perunding yang berdaftar di Malaysia sebagai sebahagian daripada penyerahan Dokumen Tender.
- Kaunter pendaftaran taklimat tender akan dibuka pada jam 9.00 pagi – 10.00 pagi pada **20 April 2026**. Perunding yang hadir ke taklimat tender **WAJIB** membawa sijil-sijil **ASAL** berserta **SALINAN YANG DIAKUI SAH** iaitu:
 - PERAKUAN PENDAFTARAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT DARI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM);**
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING DARI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA;**
 - SIJIL PENDAFTARAN JURUTERA PROFESIONAL DENGAN SIJIL AMALAN DARI LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA; dan**
 - Bukti **KELAYAKAN PENGALAMAN** seperti yang dinyatakan di item (4) di atas.
- Petender disarankan membawa **cop syarikat lengkap beralamat** semasa pendaftaran.
- Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat tender secara fizikal seperti yang dijadualkan di atas. Petender yang **GAGAL** menghadiri sesi taklimat tender secara fizikal adalah **TIDAK LAYAK** menyertai tender.
- Dokumen Meja Tender disediakan untuk semahdan dan rujukan sahaja di **Projek Khas, Tingkat 3, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** pada waktu pejabat (9.00 pagi – 4.00 petang) bermula pada **20 April 2026** hingga **30 April 2026**.
- Harga Dokumen Tender adalah sebanyak **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)** dan **BAYARAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**. Bayaran hendaklah dibuat secara **dalam talian/“online transfer” SAHAJA** dengan rujukan **“JLWP4 Tender – D&S”** berserta butiran nama Syarikat yang layak membeli tender di atas nama **PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD, No. Akaun 8000 4667 16**. Sila sertakan bukti pembayaran pembelian ketika pembelian Dokumen Tender. Pembelian dokumen secara tunai adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Wakil petender yang ditauliahkan untuk tujuan membeli Dokumen Tender hendaklah mengemukakan **surat perwakilan kuasa** melalui e-mel kepada JLWProcurement@plus.com.my.
- Semua petender diingatkan bahawa semua salinan dokumen mestilah disahkan dengan Salinan Asal oleh pihak yang diberi kuasa, iaitu **SETIAUSAHA SYARIKAT** atau **PESURUHJAYA SUMPAAH**.
- Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tamat tempoh pembelian Dokumen Tender sepertimana yang telah disebutkan di atas. Dokumen Tender bercetak yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada tarikh, masa dan tempat yang dijadualkan di atas.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja. Mana-mana petender yang didapati telah menghantar lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan keseluruhan penyertaan secara automatik.
- Penyerahan tender mesti dihantar mengikut arahan keperluan penyerahan tender dan tender yang dihantar selepas Tarikh dan Masa Tutup tender yang ditetapkan **TIDAK AKAN DITERIMA**. PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kehilangan, kelewatan, kerosakan, atau isu lain berkaitan dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.
- PLUS Berhad tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab atau alasan sesuatu tawaran itu ditolak. Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau tender berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkut dengannya adalah menjadi tanggungan petender sepenuhnya. Pihak PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak petender.
- Sebarang pertanyaan berkenaan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mel JLWProcurement@plus.com.my.